

Unit I3: Gunakanlah Prasarana Secara Berhemah

Peta minda di bawah menunjukkan pelbagai cara menggunakan prasarana secara berhemah.



Prasarana yang disediakan oleh kerajaan ialah hak kita bersama. Kita bertanggungjawab untuk menjaga dan menggunakannya dengan berhemah. Sikap berhemah menunjukkan kita mengamalkan nilai sederhana demi kebaikan bersama.

Jawab soalan berikut:

1. Bagaimana kamu menjaga dan menggunakan prasarana secara berhemah?

2. Kemukakan kepentingan menggunakan prasarana secara sederhana.

3. Ceritakan perasaan kamu apabila menggunakan prasarang yang dijaga dengan baik berbanding dengan prasarana yang dirosakkan.

4. Kamu ternampak beberapa orang budak sedang merosakkan kemudahan awam di sebuah taman rekreasi. Apakah tindakan kamu?
